

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Harap jelaskan kepada Pusat Khidmat DUN-DUN samada inisiatif-inisiatif peduli rakyat masih kekal diberikan sehingga kini atau tidak.

- b) Sila juga memberi penjelasan apakah jenis inisiatif peduli rakyat yang telah dibatalkan dan yang telah dikurangkan?

- c) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela serta memenuhi wawasan '*shared prosperity*'.

Sukacita dimaklumkan di sini, program IPR adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya kerajaan akan berusaha untuk memberdayakan rakyat sebagai matlamat akhir kerajaan.

Bagi tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerdayaan (*empowerment*) kepada para penerima manfaat IPR di Selangor.

Oleh itu, sudah tiba masanya Negeri Selangor, mengorak langkah ke suatu paradigma yang baharu sejajar dengan cita-cita untuk menjamin kebajikan rakyat negeri berteraskan suatu upaya strategik dalam menguruskan sumber negeri yang terbatas.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan Persidangan Pengendali Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) pada Februari 2019. Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk diujicajakan kepada 3 kategori utama yang menjadikan jumlah program IPR terkini adalah sebanyak 33 program iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 18 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
 - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 15 Program IPR); dan
 - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR).

(Keterangan lanjut seperti lampiran I)

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, pada hakikatnya semua Program IPR masih diteruskan malah ditambahbaik bagi memastikan bantuan Kerajaan Negeri dilaksanakan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan penerima manfaat IPR Selangor supaya mereka mampu berdikari dan kelak berupaya membantu orang lain pada masa hadapan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak UPEN telah mengadakan siri taklimat Penjajaran IPR kepada Y.B Exco, *Backbenchers* dan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) seperti berikut:

- i) Taklimat Penjajaran prgoram IPR kepada Exco – Dilaksanakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019;
- ii) Taklimat Penjajaran Skim Peduli Sihat (SPS), Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada

Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dan Pejabat Tanah & Daerah
– Dilaksanakan pada 23 Mei 2019; dan

- iii) Taklimat Penjajaran Skim Air Percuma kepada Ahli Dewan
Undangan Negeri (ADUN) - Dilaksanakan pada 18 Julai 2019

Selain itu, penjelasan turut juga diberikan melalui media massa dan kenyataan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor serta Y.B Exco yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : SENI DAN SASTERA

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat sebarang usaha dari Kerajaan untuk merencanakan aktiviti seni dan sastera di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui peranan yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), sentiasa memastikan aktiviti seni terus diperkasakan dengan mengadakan pelbagai aktiviti seni dan sastera di Selangor. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

BIL	PROGRAM	LOKASI	CATATAN
1.	Semarak Seni dan Budaya (SENADA)	Dataran Kemerdekaan Shah Alam	Setiap Sabtu Malam 9.00 malam hingga 11.00 malam (Namun kelulusan penggunaan tertakluk kepada pihak MBSA)
2.	Semarak Warisan	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.	Setiap Ahad minggu ke-2 (10.00 pg – 5.00 petang)
3.	Lepak Seni	Tasik Shah Alam	Program anjuran pihak MBSA Setiap Ahad minggu ke-4. (5.00 – 7.00 ptg)

5.	Program Moreh Puisi	Sanggar Damai Abadi, Kg Bukit Kapar, Klang	Kerjasama bersama Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA) dan Warisan Wong Kampung diadakan sejak tahun 2017.
6.	Program Turun Ke Sekolah	Sekolah2 terpilih di Di Negeri Selangor	Kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Selangor
7.	Pengisian Program Teater <ul style="list-style-type: none"> • Teater HERO 	Auditorium Muzium Sultan Alam Shah	Kerjasama dengan Majlis Teater Selangor
8.	Konsert Amal Azharina Queen Of Soul	Teater Shah Alam	Anjuran bersama PADAT serta Kelab Rekreasi & Kebajikan Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGERIK)**

TAJUK : ISU BANJIR DI TAMAN MUTIARA BUKIT RAJA, KLANG

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dalam menangani masalah banjir yang berlaku setiap kali hujan lebat di kawasan Taman Mutiara Bukit Raja, Klang?

- b) Apakah wujud perancangan jangka panjang oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Langkah – langkah yang diambil bagi menangani masalah banjir di Taman Mutiara Bukit Raja Klang, Majlis Perbandaran Klang telah bersetuju dengan pemasangan sistem pam oleh pihak pemaju Tetuan Titijaya Land Bhd. Kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan sistem pam telah pun selesai dilaksanakan pada bulan Jun 2019.

- b) Bagi cadangan jangka panjang perkara ini telah dibincang di peringkat Exco Infrastruktur Kerajaan Negeri bersama agensi-agensi teknikal dan pihak konsesi Lebuhraya Grand Sepadu dan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) yang berhampiran dengan taman tersebut pada bulan Jun 2019.

Pihak Kerajaan Negeri ada meminta pihak konsesi Lebuhraya Grand Sepadu mengenalpasti kawasan lapang di persimpangan bertingkat Jalan Meru untuk dijadikan kolam takungan dan mengkaji semula aliran air daripada kedua-dua pihak Lebuhraya Grand Sepadu dan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE).

Usaha-usaha untuk mendapatkan kelulusan pembinaan kolam takungan banjir di kawasan rezab lebuhraya Shapadu dan Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang dilaksanakan. Pembinaan kolam ini akan mengurangkan aliran puncak melintasi Jalan Meru sekaligus mengurangkan risiko banjir di Taman Mutiara Bukit Raja, Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : BANTUAN PESAKIT-PESAKIT YANG MEMERLUKAN RAWATAN
DIALYSIS**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialysis yang semakin meningkat saban hari dengan kos semakin menaik dan menjadi lebih mahal?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai program Bantuan Sihat Selangor yang bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan golongan berpendapatan rendah bagi mendapatkan rawatan kesihatan seperti rawatan dialisis. Bantuan ini adalah sebagai sumbangan sahaja dan bukanlah satu tajaan atau tanggungan terhadap seseorang pesakit.

Sehingga 19 Julai 2019, terdapat 744 permohonan rawatan dialisis yang telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.8 juta bagi tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian terbaik belia Selangor dalam bidang sukan?
- b) Apakah program insentif untuk pembangunan persatuan belia Selangor?
- c) Berikan jumlah peratusan belia yg terlibat dengan pertubuhan belia di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Penglibatan atlet belia Selangor di dalam sukan di peringkat antarabangsa (Olimpik, Sukan Asia, Sukan SEA, dan Komanwel) adalah seperti berikut:-
 - 2015 – berapa orang
 - 2016 – 1 atlet belia dan 1 atlet belia OKU
 - 2017 –
 - 2018 – 8 atlet belia + 1 atlet belia OKU
 - 2019 –

Pencapaian belia terbaik Selangor dalam bidang sukan ialah mewakili Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Rio, Brazil pada tahun 2016. Beliau yang dimaksudkan ialah Saudari Phee Jinq En daripada sukan Akuatik Renang. Beliau berusia 22 tahun dan berasal dari Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Di peringkat Negeri, beliau berada di bawah Program Pembangunan Sukan Renang Negeri Selangor bermula pada tahun 2010 hingga 2013 dan seterusnya menjalani latihan di bawah Program Majlis Sukan Negara hingga kini.

Tambahan pula, menurut maklumat daripada pihak Majlis Sukan Negara, terdapat seramai 87 orang atlet belia Selangor yang mewakili negara pada masa kini.

Daripada jumlah tersebut, seramai lapan orang atlet belia telah berjaya memenangi pingat di peringkat tertinggi iaitu Sukan Asia, Jakarta / Palembang dan Sukan Komanwel Gold Coast, Australia pada tahun lepas (2018).

Pencapaian terbaik pula telah dikongsi oleh tiga orang atlet iaitu:

a. Sukan Asia, Jakarta / Palembang

i. Atlet Tenpin Bowling – Muhammad Rafiq bin Ismail (Emas – Kategori Masters)

b. Sukan Komanwel Gold Coast, Australia

i. Gimrama - Amy Kwan Dict Weng (Emas – acara ribbons)

ii. Lawn Bowls – Emma Firyana binti Saroji (Emas – acara pairs)

Dalam masa yang sama, pencapaian atlet belia OKU Selangor yang tertinggi ialah Mohd Ziyad bin Zulkefli dalam acara Lontar Peluru F20 iaitu Emas di temasya Sukan Paralimpik Rio 2016. Saudara Ziyad juga telah mendapat pingat emas dalam Sukan Asia, Jakarta (2018) dan International Paralympic Committee (IPC) World Athletics Championships London pada tahun 2017.

b) Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan terhadap pembangunan persatuan belia di Selangor. Lazimnya ia melalui pelbagai inisiatif dan insentif termasuk menggalakkan penglibatan Badan – badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menjalankan program-program berkaitan pembangunan belia di Selangor.

Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan pelaksanaan program-program seperti berikut:-

1. Kolaborasi (Program Belia & Sukan) – **RM144,200.00 daripada peruntukan RM200,000.00**
2. Sumbang NGO (Program Belia & Sukan) – **RM35,000.00 daripada peruntukan RM50,000.00**

c) Jumlah pertubuhan belia di Negeri Selangor yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) Sehingga 16 Julai 2019 adalah seperti berikut:-

- Keahlian pertubuhan belia – 152,964 orang
*rekod Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (Registrar of Youth-ROY)
*5% berbanding jumlah belia di Selangor iaitu 3 juta
- Pertubuhan Belia berdaftar - 1,764
- Pertubuhan Belia Aktif - 1,239
- Pertubuhan Belia dibatalkan - 525

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PERMIT KEGUNAAN HUTAN SIMPANAN KEKAL KUALA LANGAT
SELATAN DI SUNGAI KELAMBU**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pemberian permit kegunaan hutan simpanan kekal Kuala Langat Selatan di Sungai Kelambu untuk petani tanaman kontan?

JAWAPAN:

- a) Kertas Ringkasan Cadangan Kelulusan Pemberian Permit Penggunaan Melalui Program Pemutihan Ke Atas Kawasan Pencerobohan dan Penerokaan Secara Haram di Dalam Hutan Simpan Kuala Langat Selatan Melalui Pendekatan Kaedah dan Amalan Perhutanan Tani telah pun siap dan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 29 Mei 2019. Keputusan mesyuarat memaklumkan bahawa kertas ringkasan ini perlu dibentangkan ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 18 Julai 2019 dengan mengambilkira kaedah pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan. Ahli Mesyuarat MTES yang bersidang masih menangguhkan keputusan ke atas kertas ringkasan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PELAN PEMBANGUNAN PENEROKA

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk memudahcara implementasi Pelan Pembangunan Peneroka yang melibatkan penggunaan tanah melalui Akta Tanah (kawasan penempatan berkelompok) 1960 dan Perjanjian Bersama Antara FELDA dan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB, Pelan Pembangunan Peneroka (PPP) yang dilancarkan pada April 2019 merupakan satu pelan tindakan berteraskan smart farming dan aktiviti-aktiviti hiliran bagi meningkatkan pendapatan 112,000 peneroka supaya tidak terlalu bergantung kepada kelapa sawit. Bagi penanaman pertanian secara komersial selain kelapa sawit, pihak FELDA perlu merujuk kepada syarat nyata tanah bagi lot-lot yang ingin dibangunkan. Sekiranya syarat nyata adalah tanaman kelapa sawit, maka pihak FELDA perlu memohon untuk penukaran syarat nyata terlebih dahulu.

Apabila Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengisytiharkan sesuatu kawasan di bawah Seksyen 4 Akta Tanah sebagai kawasan pembangunan Persekutuan, maka kawasan itu akan terletak hak kepada agensi berkenaan (FELDA) menerusi pemakaian peruntukan Seksyen 34(2). Selagi mana tanah tersebut masih dalam kawasan yang diwartakan sebagai Kawasan Penempatan Berkelompok, maka peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut melalui Seksyen 14, Seksyen 15 dan Seksyen 16 perlu dipatuhi.

Oleh yang demikian, sekiranya tanah ini akan dibangunkan, tindakan pembatalan Kawasan Penempatan Berkelompok di bawah Seksyen 44(1) Akta Tanah perlu dilaksanakan supaya tanah ini tidak lagi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang menghalang pembangunan. Tatacara pembatalan Kawasan Penempatan Berkelompok di bawah Seksyen 44(1) Akta Tanah adalah seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling JKPTG Bil.8/2017. Pembatalan boleh dilaksanakan setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan.

Setelah pembatalan Kawasan Penempatan berkelompok diwartakan, maka pembangunan boleh dilaksanakan berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) seperti tujuan serah dan berimilik semula di bawah Seksyen 204B KTN, mengubah kategori dan syarat nyata tanah di bawah Seksyen 124 KTN atau lain-lain urus niaga ke atas hakmilik seperti pindah milik, pajakan atau lain-lain.

Selain itu, Pihak Berkuasa Negeri bersedia untuk memberikan kerjasama dengan melaksanakan sesi *engagement* bersama FELDA menerusi pelan pembangunan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KILANG PLASTIK HARAM

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PBT telah mengambil tindakan terhadap kilang plastik haram. Walaubagaimanapun, masih ada kilang yang akan pindah ke tempat lain terutamanya di dalam Selangor. Adakah kerajaan dapat membeku pemohonan lesen baru kilang kitar semula untuk memastikan sisa-sisa yang ada sekarang dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

Pertanyaan Yang Berhormat Sungai Pelek No. 290 adalah dijawab bersekali.

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT bersama-sama agensi berkuasa berkaitan sememangnya menjalankan operasi bersepadu bagi menutup kilang plastik haram yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan PBT juga berusaha memantau aktiviti ini di kawasan PBT masing-masing daripada merebak ke kawasan baru. Justeru itu, bagi mengawal aktiviti tersebut yang boleh menyumbang kepada kesan alam sekitar dan kesan nilai ekonomi, Kerajaan Negeri meletakkan syarat kepada PBT supaya mempertimbangkan permohonan lesen yang mempunyai kelulusan permit import (AP) sisa plastik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan mempunyai kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, PBT tiada kaitan dengan pengeluaran Permit Import (AP) Sisa Plastik dan tidak mengeluarkan sebarang Permit Import (AP) kerana ia dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. PBT hanya memproses syarat-syarat teknikal yang melibatkan kelulusan Kebenaran Merancang, kelulusan Pelan Bangunan dan memperolehi cadangan teknikal daripada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum pihak PBT mempertimbangkan kelulusan lesen perniagaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : ISU PEDULI SIHAT DAN KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pihak EXCO Kesihatan, Kebajikan dan Pemerdayaan Keluarga berkenaan isu Peduli Sihat dan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang banyak terima rungutan rakyat yang mana ada yang layak tetapi dikeluarkan kerana melebihi kuota?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas proses pengemaskinian dilakukan, terdapat seramai **30, 727 orang penerima Peduli Sihat** dan **1,312 orang penerima KISS** yang layak tersenarai di dalam e-Kasih dan BSH tetapi tidak tersenarai sebagai penerima bantuan KISS dan Peduli Sihat yang terkini kerana telah melebihi kuota.

Kerajaan Negeri sedang dalam proses perbincangan untuk mempertimbangkan peruntukan tambahan kepada penerima sedia ada yang layak tetapi terkeluar kerana telah melebihi kuota. Walaubagaimanapun ianya tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEMASANGAN KAWALAN LITAR TERTUTUP (CCTV)

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memasang CCTV di kawasan tumpuan dan kawasan tertentu bagi mengelakkan kejadian yang tidak di ingini di Puncak Alam?

JAWAPAN:

- a) Penggunaan Sistem Pemantauan Kamera Litar Tertutup (CCTV) ini didapati berkesan dalam menangani kejadian jenayah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penentuan lokasi pemasangan CCTV oleh PBT dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah berdasarkan lokasi *hot-spot* jenayah, kemalangan dan kesesakan lalulintas. Dengan adanya CCTV, tugas pemantauan dan rondaan ini sebahagiannya dapat dilakukan melalui CCTV yang ditempatkan di bilik-bilik kawalan di PBT dan ibu pejabat polis daerah masing-masing. Cadangan bagi penambahan CCTV di Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) akan dimasukkan dalam bajet PBT 2020 dan penentuan lokasi dipersetujui oleh PDRM sebelum sebarang pemasangan CCTV yang baru dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROJEK HYBRID OFF RIVER AUGMENTATION SYSTEM (HORAS)

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini projek Hybrid Off River Augmentation System (HORAS)
- b) Berapakah jumlah kos perbelanjaan projek Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) sehingga kini?
- c) Adakah projek Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) menepati matlamat asal pembinaanya?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali :-

Projek Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) telah siap dan sedia untuk dioperasikan bila berlaku kekurangan air mentah di Sungai Selangor. Kos perbelanjaan projek Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) sehingga kini adalah sebanyak RM133.4 juta.

Objektif pembinaan HORAS adalah untuk menampung kekurangan air mentah di Sungai Selangor semasa berlaku penyusutan paras sungai berikutan dari musim kemarau. Terdapat 5 loji rawatan air di Lembangan Sungai Selangor yang pada ketika ini bergantung sepenuhnya pada pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi dan aliran asas (river base flow) air di Sungai Selangor. Projek HORAS walaupun ketika itu masih dalam pembinaannya, telah pun dapat membekalkan air mentah sebanyak 160JLH ke Sungai Selangor bagi meningkatkan paras aliran sungai dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan air dari Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi.

Dengan adanya bantuan yang disumbangkan dari Kolam HORAS bersama-sama dengan kolam kolam takungan lain, paras Empangan Sungai Tinggi dan Empangan Sungai Selangor tidak terjejas sepanjang musim panas tahun 2015. Keadaan ini dapat dilihat dengan membandingkan kedudukan paras Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi yang telah meningkat dengan adanya bantuan HORAS pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 (sebelum adanya HORAS) seperti berikut:-

Empangan	Paras Simpanan pada 31 Julai 2014 (sebelum HORAS)	Paras Simpanan pada 31 Julai 2015 (selepas adanya HORAS walaupun belum siap sepenuhnya)
Empangan Sungai Selangor	33.46%	77.51%
Empangan Sungai Tinggi	47.39%	75.51%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : KPI SEBAGAI PENILAIAN PEMBERIAN SUMBANGAN KHAS KERAJAAN
NEGERI SEPERTIMANA DASAR YANG DIPUTUSKAN KERAJAAN
NEGERI**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pemberian sumbangan khas baru-baru ini berdasarkan prestasi KPI penjawat Awam Selangor?
- b) Bagaimanakah prestasi Penjawat Awam Selangor berdasarkan penilaian setengah tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) sempena Hari Raya Aidilfitri kepada penjawat awam di Negeri Selangor seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor semasa Majlis Rapat Ramadan pada 17 Mei 2019 adalah berdasarkan Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1440H Tahun 2019 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan tidak berdasarkan prestasi. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa sesi mesyuarat dan perbincangan bersama semua pengurus sumber manusia jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran ini untuk mendapatkan input bagi melaksanakan pemberian BKK berdasarkan prestasi. Kertas cadangan berhubung pelaksanaan pemberian BKK berdasarkan prestasi akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan.
- b) Prestasi penjawat awam dinilai berdasarkan instrumen penilaian Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) dengan mengambil kira pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang telah ditetapkan pada awal tahun dan disemak semula pada pertengahan tahun. Berdasarkan pekeliling Perkhidmatan dan surat pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dengan SKT dan LNPT yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Bil.4/2002 (Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi

Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan) dan telah dibuat pindaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/2009 (Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2009 (Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam) yang telah digunapakai sepenuhnya di Pentadbiran ini di mana pelaksanaan LNPT bagi penjawat awam adalah bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi dan motivasi pegawai, mengenal pasti potensi pegawai, instrumen penilaian untuk kemajuan kerjaya seperti kenaikan pangkat, latihan, penempatan dan pembangunan pegawai, penentuan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang/ Bintang Kebesaran/ surat penghargaan dan penentuan pergerakan gaji. Perkara-perkara yang dinilai di dalam LNPT adalah merangkumi penghasilan kerja pegawai, pengetahuan dan kemahiran pegawai, kualiti peribadi pegawai, jalinan hubungan dan kerjasama pegawai dan kegiatan dan sumbangan pegawai. Sehubungan dengan itu, penilaian prestasi penjawat awam akan dinilai secara keseluruhannya dengan menggunakan instrumen penilaian LNPT pada hujung tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUMAHAN DESA SUBANG PERMAI - SEKSYEN U6 - KENDERAAN
BERAT/KILANG MELALUI KAWASAN PERUMAHAN JALAN SUBANG
PERMAI U6/1**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk menghalang laluan kenderaan tersebut dari melalui kawasan perumahan ?
- b) Persetujuan awal MBSA/penduduk untuk mengadakan jalan alternatif. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengadakan jalan tersebut ?
- c) Bilakah jalan alternatif tersebut akan dapat dibina ?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis telah mengambil tindakan menutup 2 bahagian jalan dengan halangan pagar yang menyambung kawasan perumahan Jalan U6/1 & kawasan perkilangan di Lorang 2D.
- b) Pihak Majlis telah membuat pengambilan tanah bagi penyediaan rezab jalan selebar 66 kaki menyambung dari Jalan Bukit Badak untuk kegunaan lot-lot kilang seperti berikut:

NO. LOT	LUAS TERLIBAT PENGAMBILAN (KAKI PERSEGI)
PT 3995	15,490.03
PT 3996	9,714
PT 3997	2,966.10
PT 3998	2,445.99
PT 3999	3,855.74
PT 4000	5,087.03
PT 4001	11,864.96
PT 3734	4,628.20
PT 3735	4,589.59

Pihak majlis telah melantik pihak juru ukur bagi menjalankan kerja-kerja pengukuran semula jajaran jalan yang akan dibina. Pihak Pejabat Tanah Daerah Petaling akan mengeluarkan notis pengosongan kepada pemilik-pemilik premis yang mencerobohi rezab jalan.

- c) Kerja-kerja pembinaan jalan dan parit dijangka dilaksanakan pada tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TANAH PERTANIAN MILIK ANAK SYARIKAT NEGERI

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan jumlah tanah pertanian milik anak syarikat Kerajaan Negeri mengikut jenis pertanian dan saiz.
- b) Apakah pendapatan bersih daripada tanah-tanah ini pada 2018?
- c) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing, melalui semakan rekod dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) sehingga 22 Julai 2019, terdapat sebanyak 1,458 hakmilik dengan keluasan 13,143.2599 hektar tanah berstatus pertanian yang dimiliki oleh sembilan (9) anak syarikat Kerajaan Negeri dengan pecahan meliputi Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) mempunyai 191 hakmilik berkeluasan 6,310.1397 hektar, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebanyak 1,060 hakmilik berkeluasan 1,262.4822 hektar meliputi tanah-tanah wakaf daripada pemilik-pemilik asal sebelum ini, diikuti oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad yang memiliki 63 hakmilik berkeluasan 8.8161 hektar, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sebanyak 68 hakmilik dengan keluasan 1,090.8046 hektar, seterusnya Setiausaha Kerajaan Selangor (Perbadanan) (SUK) sebanyak 22 hakmilik berkeluasan 376.6955 hektar, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) pula sebanyak 19 hakmilik dengan keluasan 2,135.2838 hektar, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan keluasan tanah 462.0819 hektar merangkumi sebanyak 18 hakmilik, Yayasan Selangor pula sebanyak 13 hakmilik dengan keluasan tanah sebanyak 1,493.1307 hektar dan yang terakhir adalah Setiausaha Kerajaan Selangor (SUK) dengan empat (4) hakmilik berkeluasan 3.8254 hektar.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Gasing, berdasarkan data yang dikemukakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) selaku anak syarikat kerajaan negeri yang menjadi agensi peneraju pembangunan

pertanian di negeri ini, jumlah keseluruhan saiz tanah pertanian yang dimiliki dan dipajak oleh PKPS serta dibangunkan dengan pelbagai aktiviti pertanian adalah berkeluasan 7,111.911 hektar. Antara aktiviti pertanian yang dijalankan di atas tanah ini adalah meliputi seperti tanaman ladang kelapa sawit, tanaman ladang kontan / jangka panjang dan penternakan ayam serta ikan air tawar yang dilaksanakan menerusi kaedah moden.

- b) Pendapatan bersih yang dijana bagi tanah-tanah pertanian di bawah milik PKPS daripada aktiviti pertanian pada tahun 2018 ialah sebanyak RM15,486,781.11.

**JUMLAH TANAH PERTANIAN MILIK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
SELANGOR (PKNS) MENGIKUT JENIS PERTANIAN DAN SAIZ & SENARAI TANAH
MILIK YANG TIDAK MENJANAKAN HASIL**

LOKASI TANAH	MUKIM	DAERAH	PEGANGAN	SYARAT NYATA TANAH	KELUASAN TANAH (EKAR)	HASIL
(i) Bukit Belimbing	Mukim Pasangan	Kuala Selangor	Bebas	Tanaman Kelapa	10.31	Tiada
(ii) Blok 4, Fasa 5A, 5B, 5C, Jalan Setia Wawasan U13/34	Mukim Bukit Raja	Petaling	Selama-lamanya	Pertanian	26.56	Tiada
(iii) Blok 3, Fasa 4A & 4B, Persiaran Setia Perdana	Mukim Bukit Raja	Petaling	Selama-lamanya	Pertanian	17.95	Tiada
(iv) Broga	Ulu Semenyih	Hulu Langat	Bebas	Pertanian	897	Tiada
(v) Batangsi	Ulu Semenyih	Hulu Langat	Bebas	Pertanian	100	Tiada

(vi) Sungai Jelok	Kajang	Hulu Langat	Bebas	Pertanian	10	Tiada
JUMLAH :					1,061.82	ekar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : MENTERI BESAR PEMERBADANAN (MBI)

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah segala aktiviti yang dijalankan operasinya oleh MBI beroleh keuntungan?
- b) Adakah segala keuntungan yang diperolehi daripada operasi MBI ini dimanfaatkan untuk Negeri Selangor?
- c) Bolehkah kedudukan kewangan MBI ini diaudit dan dikemukakan laporannya serta bolehkah undang-undang mengenainya digubal atau dipinda?

JAWAPAN:

- a) MBI ditubuhkan untuk mentadbir aset dan pelaburan Kerajaan Negeri dan mewakili Negeri Selangor dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan yang di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, bukan semua aktiviti yang dijalankan oleh MBI beroleh keuntungan. Sumber dana MBI Selangor adalah berpunca dari projek pembangunan tanah secara usahasama dengan pemaju hartanah yang dilantik, pendapatan dividen daripada pelaburan, pendapatan faedah daripada penempatan dana di institusi kewangan dan pendapatan sewa dari asset-aset milik MBI.
- b) Pendapatan MBI Selangor digunakan untuk mempromosikan dan menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri serta melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat.
- c) MBI telah mengamalkan tadbir urus korporat yang telus di mana juruaudit luar telah dilantik untuk menjalankan pengauditan ke atas Penyata Kewangan MBI selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *International Standards on Auditing ("ISAs")* bagi memastikan gambaran yang benar dan saksama tentang Penyata Kewangan.

Penyata kewangan MBI yang disediakan adalah selaras dengan piawaiian *Malaysian Financial Reporting Standard* (“MFRSs”), *International Financial Reporting Standard* (“IFRSs”) dan mengikut keperluan Akta Syarikat Malaysia.

MBI Selangor ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor (Enakmen No.3 tahun 1994)(“Enakmen”) yang merupakan badan pemegang amanah Kerajaan Negeri tidak menuntut MBI untuk mengemukakan Penyata Kewangan kepada mana-mana pihak bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MENJANA PENDAPATAN RAKYAT

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri khususnya bagi menjana pendapatan tambahan rakyat, selepas beberapa program IPR ditarik balik?
- b) Bagaimanakah program seperti PWB boleh dipanjangkan juga kepada kaum bapa/belia dalam meningkatkan ekonomi keluarga?

JAWAPAN:

- a) Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini. Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan keperluan penjajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemeraksanaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak dimansuhkan malah sebaliknya dijangka bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat dalam sektor usahawan, pertanian dan juga pendidikan. Program-program penjanaan pendapatan rakyat ini adalah ditawarkan kepada pemohon yang layak dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh setiap program bantuan tersebut.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek, Program Pusat Wanita Berdaya Selangor terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu, Program Kemahiran dan Program Pembangunan Kapasiti.

Program kemahiran mengutamakan kaum wanita dalam memahirkan diri terhadap sesuatu kemahiran yang boleh menjana pendapatan. Contohnya, Seni kraftangan dan masakan

Walau bagaimanapun, dalam membantu kaum bapa/belia menjana pendapatan dalam penglibatan dengan Program Wanita Berdaya Selangor, Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga menawarkan penyertaan mereka dalam Program Pembangunan Kapasiti. Berikut adalah modul-modul yang terdapat di dalam program pembangunan kapasiti:

a) MODUL KEUSAHAWANAN

1. Memberi pendedahan mengenai apakah itu keusahawanan dan motif seseorang menjadi usahawan

2. Menyampaikan pengetahuan asas memulakan perniagaan yang merangkumi aspek berikut:
 - Tujuan perniagaan dan pemilikan perniagaan
 - Trend semasa dalam perniagaan
 - Organisasi perniagaan
 - Kertas kerja projek
3. Memperkasakan peserta untuk menghadapi dunia keusahawanan dan perniagaan yang mencabar.

b) MODUL ASAS PELABURAN

1. Memberi pemahaman tentang kuasa pengkompaunan (power of compounding) dan bagaimana ia membantu mengumpul kekayaan melalui pelaburan
2. Mengenalpasti jenis-jenis pelaburan dan membuat penilaian prestasi pelaburan
3. Peserta mampu membezakan pelaburan sah dan tidak sah
4. Kepentingan perancangan untuk ketidakpastian, perlunya perlindungan dan mengetahui jenis perlindungan yang berlainan
5. Tip membeli insurans/polisi takaful untuk mengelakkan perlindungan yang tidak perlu, underinsured dan overpaying premium insurans dan untuk selaras dengan kemampuan sendiri.

c) MODUL PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI DAN KELUARGA

1. Memberi pengetahuan pengurusan kewangan yang merangkumi aspek berikut:
 - Pengurusan aliran tunai dan bajet
 - Kepentingan pelaburan
 - Asas meminjam
 - Pengurusan hutang

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk sesi 2019 ini, di peringkat PWB DUN telah pun menerima penglibatan daripada kaum bapa/belia bagi Modul Pengurusan Kewangan Peribadi dan Keluarga, Modul Pembangunan dan Keselamatan Keluarga, dan Modul Pendemokrasian dan Hak Rakyat. Pusat Wanita Berdaya mengalu-alukan penglibatan lebih ramai lagi kaum bapa/belia ke program-program pembangunan kapasiti ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : GERAN MARRIS

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah penggunaan peruntukan geran MARRIS untuk menurap semula jalan tidak dibincangkan dengan Ahli Dewan Negeri dalam kawasan berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Bagi pihak MPKj, pihak jabatan mengemukakan senarai permohonan kepada setiap DUN kawasan masing-masing bagi mendapatkan pertimbangan dan sokongan untuk menjalankan kerja-kerja penurapan jalan menggunakan peruntukan MARRIS. Pihak DUN kawasan juga akan mengemukakan senarai kepada pihak MPKj sekiranya mereka mempunyai kawasan yang perlu diturap.

Bagi peruntukan MARRIS Tahun 2019

Peruntukan Siling daripada Perbendaharaan Negeri Selangor : RM 29,759,739.77
Bagi fasa 1, pihak MPKj telah membelanjakan sebanyak RM 18,843,702.60 bagi 53 projek. Manakala bagi penjimatan, pihak MPKj sedang dalam proses penilaian sebutharga / tender bagi 24 projek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : BALAI POLIS DAN BALAI BOMBA

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah balai polis dan balai bomba dapat dibina di Bandar Puncak Alam ini?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap keperluan balai polis di Bandar Puncak Alam?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Bomba telah membuat Permohonan Projek Pembinaan Balai Bomba baru di Kawasan Puncak Alam dalam Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMKe-11) *Rolling Plan 5th* (RP5) bagi tahun 2020.

Tapak yang strategik seluas 3 ekar yang dicadangkan ialah tapak rizab bomba di dalam kawasan tapak projek Eco World yang mana boleh diakses melalui Persiaran Mokhtar Dahari. Tapak ini dipilih dengan mengambilkira jarak dan masa bertindak(response time) untuk beberapa kawasan termasuk Bandar Puncak Alam, Bandar Saujana Utama, Taman Industri Alam Jaya dan Bandar Seri Coalfield dalam lingkungan tidak melebihi 10 minit untuk Pihak Bomba sampai ke lokasi kecemasan.

Manakala pihak PDRM pula sedang membuat kajian terperinci kesesuaian lokasi tempat atau tapak untuk cadangan pembinaan Balai Polis Puncak Alam. Setakat ini tiada cadangan pemberian mana-mana tanah/tapak/ bangunan daripada mana-mana pihak termasuk Kerajaan Negeri.

- b) Adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELABURAN ASING

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program dan usaha yang telah dilakukan untuk tujuan mempromosikan negeri Selangor di luar negara dalam usaha menarik pelabur?
- b) Nyatakan jumlah kos yang telah digunakan oleh INVEST SELANGOR sepanjang usaha mencari pelabur tersebut?

JAWAPAN:

- a) Program dan usaha yang dilakukan untuk tujuan mempromosikan Negeri Selangor di luar negara dalam usaha menarik pelaburan seperti berikut:-

1. Program jangka masa panjang:-

- i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti:-
 1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
 2. Selangor Halal Council
 3. *Selangor Aerospace Council*
 4. *Selangor BioTech Council*
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi pengalakkan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-Negara yang telah dikenal pasti dan yang berpotensi.
- iv. Program promosi melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan Dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.

- vii. Pengkelasan kawasan perindustrian mengikut *standard* kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.
- x. Penerbitan buku panduan *Doing Business in Selangor : A Guide Book for Investors*

2. Program jangka masa pendek:-

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
 - ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
 - iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
 - iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
 - v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.
 - vi. Mengadakan *Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC)* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Jumlah kos yang telah digunakan oleh Invest Selangor sepanjang usaha mencari pelabur bagi tempoh **Januari hingga Jun 2019** adalah sebanyak **RM 7,109,080.64 (RM 7.109 juta)** yang merangkumi aktiviti – aktiviti seperti berikut:-
- i. Promosi Selangor International Business Summit 2019;
 - ii. Program pembangunan dan latihan usahawa-usahawan secara atas talian (on-line) dan lain – lain yang berkaitan;
 - iii. Misi promosi pelaburan ke luar Negara dan juga penglibatan dalam pameran tempatan dan luar Negara;
 - iv. Libat urus (*engagement*) dengan pelabur sedia ada menerusi program dialog, lawatan kilang, penyelesaian masalah dan lain – lain yang berkaitan;
 - v. Penerbitan bahan – bahan promosi pengiklanan, penerbitan artikel, Investment Guide Book dan lain – lain bahan promosi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : UMUR BELIA DI SELANGOR

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah belia yang di bawah umur 40 tahun dan di bawah 30 tahun di Selangor.
- b) Apa sebab Kerajaan Negeri tidak mengikut definasi Belia di peringkat Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no. 177 daripada Y.B. Balakong dan soalan no. 194 daripada Y.B. Hulu Kelang :

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah belia yang di **bawah umur 40 tahun** di Selangor bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Penduduk berumur mengikut kumpulan umur terpilih

Kumpulan Umur	Bilangan (ribu)	
	2018	2019 ^e
Umur 40 tahun dan ke bawah	4,539.7	4,537.6
Umur 30 tahun dan ke bawah	3,219.3	3,190.1

Nota:

1. Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2. Anggaran

Statistik penduduk berumur 30 tahun dan 40 tahun ke bawah mengikut kumpulan etnik dan jantina, Selangor, 2018 – 2019 seperti di Lampiran 1.

- b) Kerajaan Negeri meneliti dengan rapat pindaan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) yang menghadkan umur belia dari 40 ke 30 tahun seperti yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Kedudukan belia tidak disebut dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan malah senarai-senarai negeri dan persekutuan, iaitu senarai 1, 2 dan 3 tidak menyebut langsung tentang definisi belia. Dengan kata lain, negeri tidak terikat kepada akta atau peraturan yang ditetapkan oleh persekutuan berkaitan belia.

Bagi pertubuhan yang didaftarkan dibawah pendaftar belia adalah tertakluk kepada akta pertubuhan yang baharu.

Persoalannya adalah dimanakah tafsiran belia di bawah Kerajaan Negeri? Jawapannya adalah belia negeri ditafsirkan dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2014 yang menyatakan umur memegang jawatan bagi belia adalah 15-30 tahun. Walaubagaimanapun, program-program atau insentif-insentif Kerajaan Negeri merangkumi mereka yang berumur sehingga 40 tahun, seperti Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain insentif yang Kerajaan Negeri berpandangan diperlukan.

Ini kerana sebahagian besar belia Selangor berumur 30 tahun ke atas masih aktif dalam program pembangunan belia, aktiviti sukan dan program 'outdoor' dan Selangor tidak akan meminggirkan mereka.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dan kekal komited bersama Kementerian Belia dan Sukan serta pertubuhan-pertubuhan belia lain dalam setiap usaha pembangunan belia di Selangor secara khasnya dan Malaysia secara amnya.

Sekiranya Yang Berhormat mempunyai cadangan lain, saya harapkan cadangan itu boleh dimasukkan dalam perbincangan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.